

Paras air susut mendadak

Syarikat Air Johor bekal air berjadual selama sebulan di Kluang

JULIZA MOHD SAAD

KLUANG - Berikutan penyusutan air secara mendadak di Sungai Sembrong Timur, di sini, Syarikat Air Johor (SAJ) Holdings Sdn Bhd mengambil langkah membekalkan bekalan air secara berjadual di daerah ini untuk tempoh sebulan.

Ketua Komunikasi Korporat SAJH, Jamaluddin Jamil berkata, air di Sungai Sembrong Timur berkurangan secara mendadak daripada 0.70 meter kepada 0.15 meter.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan loji pengeluaran air terawat di Sembrong Timur hanya mampu mengeluarkan 19 juta liter air terawat sehari, berbanding 30 juta liter kebiasaannya.

Katanya, pengeluaran ja-

dual bekalan air secara berjadual itu adalah langkah pertama pihaknya untuk menangani masalah kekurangan air yang berlaku di daerah ini bermula semalam.

"Bekalan air berjadual ini akan dilaksanakan selama sebulan mulai 18 Februari hingga 18 Mac, dan akan disambung sekiranya paras air semakin meruncing di daerah ini. Namun jika keadaan bertambah pulih, jadual ini akan terbatal.

"Bekalan air berjadual ini akan menjejaskan anggaran 150,000 pengguna di daerah ini merangkumi pengguna di Sungai Sembrong Timur dan empangan Sembrong Barat," katanya ditemui di Pejabat SAJ cawangan Kluang, semalam.

Jamaluddin berkata, setiap hari, tiga daripada sem-

bilan zon di daerah ini akan mengalami masalah bekalan air bagi mengimbangkan pengeluaran air terawat yang dihasilkan di loji air Sembrong Timur dan Barat.

Katanya, bekalan air akan ditutup selama 24 jam bagi setiap zon dan akan diselang dengan dua hari bekalan air seperti biasa.

"Kami beri masa dua hari untuk pengguna menyimpan air sebelum bekalan air ditutup selama sehari mengikut jadual yang diberikan SAJ.

"Kita akan membekalkan air bersih kepada penduduk yang ingin mengadakan kenduri atau kes kematian, tetapi hendaklah dimaklumkan lebih awal.

"Tempat kritikal seperti hospital dan pusat hemodialisis pada masa ini tidak ber-



JAMALUDDIN

hadapan masalah air kerana pihak kami sentiasa memantau dan menyalurkan bekalan air mencukupi," katanya.

Jamaluddin turut memaklumkan, tahap air di loji pengeluaran air terawat di Sembrong Barat masih dalam keadaan normal dan tidak mempunyai masalah pengeluaran air terawat.



Air Sungai Sembrong Timur